

SKEMA PERCUBAAN KEDAH 2012 - GEOGRAFI 942/1

- 1 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan putaran bumi? [3]
(ii) Huraikan tiga ciri putaran bumi. [6]
(b) Huraikan empat kesan putaran bumi. [8]
(c) Jelaskan pengaruh tenaga suria terhadap proses geomorfologi. [8]

(a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan putaran bumi? [3]

Putaran bumi merujuk kepada **putaran bumi di atas paksinya** yang condong sebanyak $23\frac{1}{2}^{\circ}$ daripada satah tegak dan dalam keadaan selari pada semua tempat dan **berputar dari arah barat ke timur** dengan mengambil **masa 23 jam 56 minit (1 hari)** bagi melengkapkan satu pusingan.

(ii) Huraikan tiga ciri putaran bumi. [6]

- aii1 – berputar dari barat ke timur
- aii2 – mengambil masa 24 jam untuk melengkapkan 1 pusingan
- aii3 – di atas paksi yang condong $23\frac{1}{2}^{\circ}$
- aii4 – kelajuan 30 km / saat @ 107182 km/j
(3 isi x 2m = 6m)

(b) Huraikan empat kesan putaran bumi. [8]

b1 Kejadian siang dan malam

Putaran bumi menyebabkan hanya satu bahagian bumi sahaja menghadap sinaran matahari manakala satu bahagian lain membelakangi sinaran matahari. Bahagian yang menghadap matahari akan mengalami waktu siang . Bahagian yang membelakangi matahari akan mengalami waktu malam.

b2 Kejadian pasang surut air laut

Disebabkan oleh tarikan graviti bulan dan matahari. Tarikan graviti bulan yang kuat terhadap air yang berhampiran dengannya menyebabkan aras air naik lalu terjadilah air pasang. Kawasan yang terletak jauh daripada bulan pula akan mengalami air surut kerana air dari kawasan ini telah tertarik ke kawasan berhampiran bulan.

b3 Perbezaan waktu tempatan

Satu putaran lengkap bumi (360°) mengambil masa 24 jam. Bumi berputar sebanyak 15° longitud dalam masa 1 jam iaitu 4 minit bagi 1° longitud.

b4 Pembiasan angin dan arus lautan

Bumi berputar dari barat ke timur. Di hemisfera utara angin dan arus terbias ke arah kanan. Di hemisfera selatan angin dan arus terbias ke arah kiri.

(2m x 4 isi = 8 m)

(c) Jelaskan pengaruh tenaga suria terhadap proses geomorfologi. [8]

c1 Luluhawa kimia

Bahang matahari turut mempengaruhi kegiatan luluhawa kimia khususnya di kawasan tropika lembap. Bahang matahari yang diterima sepanjang tahun – purata 27° C menyebabkan kegiatan luluhawa kimia aktif sepanjang tahun. Menurut hukum Van Den Hoff setiap kenaikan suhu sebanyak 1° C akan meningkatkan keberkesanan luluhawa kimia sebanyak 10 %.

c2 Luluhawa fizikal

Tenaga matahari amat mempengaruhi kegiatan luluhawa fizikal. Di kawasan gurun panas bahang matahari yang tinggi menyebabkan berlakunya luluhawa fizikal melalui proses pengembangan dan pengecutan. Pada waktu siang, bahang matahari yang diterima di kawasan gurun panas tinggi menyebabkan suhunya tinggi melebihi 40° C dan keadaan ini menyebabkan batuan di kawasan tersebut mengembang. Pada waktu malam, suhu di kawasan ini jatuh secara mendadak. Penurunan suhu mendadak menyebabkan batuan di kawasan tersebut mengecut. Proses kembang kecut yang berlaku secara berulang kali dalam tempoh yang lama menyebabkan batuan di kawasan tersebut mengelupas dan akhirnya pecah.

c3 Hakisan dan pengangkutan bahan

Wap-wap air yang terbebas sama ada melalui sejatan, sejat peluhan atau perpeluhan tumbuhan akan naik ke atas lalu mengalami penyejukan secara adiabatik sebelum mengalami proses pemeluwapan dan kemudiannya turun sebagai kerpasan.

Kerpasan dalam bentuk hujan apabila tiba ke permukaan bumi akan mengalir dalam bentuk larian air permukaan dan aliran alur.

Aliran air ini menghasilkan tenaga kinetik yang kemudiannya melakukan proses hakisan dan pengangkutan.

c4 Pemendapan bahan

Bahan-bahan yang dihakis akan diangkut dan kemudiannya dimendapkan apabila aliran air tersebut tidak lagi berupaya untuk mengangkut bahan-bahan tersebut. Contohnya halaju air yang tinggi di bahagian hulu sungai akan menghakis tebing dan dasar sungai tersebut dan kemudiannya diangkut dan dimendapkan di bahagian hilir sungai. (4 isi x 2m = 8m)

- 2 (a) Nyatakan lima proses luluhawa kimia? [5]
(b) Huraikan lima faktor fizikal yang mempengaruhi proses luluhawa kimia di kawasan tropika lembap. [10]
(c) Jelaskan kesan luluhawa kimia terhadap pembentukan landskap di kawasan tropika lembap dan pengaruhnya kepada aktiviti manusia. [10]

2 (a) Nyatakan lima proses luluhawa kimia ?

[5]

- a1 Hidratan
- a2 Pengoksidaan
- a3 Hidrolisis
- a4 Larutan
- a5 Pengkarbonan

(5 x 1m = 5m)

(b) Huraikan lima faktor fizikal yang mempengaruhi proses luluhawa kimia di kawasan tropika lembap. [10]

- b1 Bentuk muka bumi / topografi – aktif di kawasan bercerun berbanding tanah rata/ aktif
di kawasan cerun yang menghadap angin lazim membawa banyak hujan.
- b2 Unsur iklim – bahang matahari yang tinggi / suhu tinggi, dan hujan banyak menggalakkan proses larutan, hidratan, pengkarbonatan dan hidrolisis.
- b3 Jenis Batuan - batuan lembut (enapan) giat terluluhawa berbanding batuan keras
(igneus)
- b4 Struktur rekahan – menggalakkan resapan air ke dalam tanah.
- b5 Tumbuh-tumbuhan – membekalkan asid, gas dan sebatian kimia – mempercepat proses tindak balas kimia
- b6 Tindakan hidupan dalam tanah – cacing, tikus dan arnab membantu secara tidak langsung proses luluhawa kimia
- b7 Masa – batuan lembut cepat diluluhawa , batuan keras lambat terluluhawa.
(5 x 2m = 10m)

(c) Jelaskan kesan luluhawa kimia terhadap pembentukan landskap di kawasan tropika lembap dan pengaruhnya terhadap aktiviti manusia. [10]

Kesan terhadap pembentukan landskap tropika lembap

- cf1 Topografi karst (pengkarbonatan – larutan) - ekopelancongan
- cf2 Tanah laterit (pengoksidanan) - penanaman getah dan kelapa sawit
- cf3 Tanah liat putih (kaolin) - pembuatan tembikar, porselin , pasu dan lain-lain
- cf4 Lapisan regolit / terurai yang tebal (luluhawa dalaman) - pertanian
- cf5 Pembentukan tors dan bornhard (luluhawa dalaman) - ekopelancongan

Kesan terhadap aktiviti manusia;

- cm1 Kegiatan pertanian - bahan regolith yang tebal – subur untuk kegiatan pertanian
- Tanah laterit – sesuai untuk tanaman getah dan kelapa sawit.
- cm2 Kegiatan perindustrian – tanah liat (kaolin) – industri tembikar
- cm3 Kegiatan pelancongan – pandang darat karst – pemandangan yang menarik dan unik
seperti gua, stalaktit, sungai bawah tanah dan stalakmit.

(Mana-mana 3 fizikal dan 2 manusia atau sebaliknya , 5 isi X 2m =10m)

3 Berdasarkan kajian luar yang telah anda jalankan di kawasan (bercerun; a)

- (i) Nyatakan formula mengira kecerunan . [2m]
(ii) Huraikan cara yang anda gunakan untuk mengukur kecerunan di kawasan kajian tersebut. [5m]
(iii) Nyatakan dua jenis pergerakan jisim yang boleh berlaku di kawasan cerun yang anda kaji. [2m]
(iv) Jelaskan faktor yang mempengaruhi proses pergerakan jisim . [8m]
(v) Huraikan kaedah mengawal pergerakan jisim di kawasan cerun tersebut. [8m]

3. (a) Berdasarkan kajian luar yang telah anda jalankan di kawasan bercerun.
(i) Nyatakan formula mengira kecerunan di kawasan kajian. (2m)

ai1 formula :
Kecerunan : $\frac{\text{Perbezaan ketinggian}}{\text{Jarak mendatar}}$

(ii) Huraikan cara yang anda gunakan untuk mengukur kecerunan di kawasan kajian tersebut. (5m)

- aii1 - Alat yang mengukur kecerunan cerun ialah klinometer Sunto.
aii2 - Kayu pancang yang bertanda diletakkan di bahagian atas cerun.
aii3 - Meletakkan klinometer sama tinggi dengan pancang di kaki cerun supaya selari dengan cerun yang dipilih.
aii4 - Membaca nilai sudut pada alat dalam nilai darjah. (4 x 1m + 1m bonus = 5m)

Catatan : calon perlu menyatakan 4 cara untuk mendapat 1m bonus.

(iii) Nyatakan dua jenis pergerakan jisim yang boleh berlaku di kawasan cerun yang anda kaji. [2]

- aiii1 - pergerakan cepat
aiii2 - pergerakan lambat

(iv) Jelaskan faktor yang menggalakkan berlakunya proses pergerakan jisim . [8]

aiv1 **Kekurangan tumbuhan litupan bumi** - ketiadaan akar tumbuhan untuk memegang

dan mencengkam tanah.

aiv2 **Hujan** - membekalkan air tanah- bertindak sebagai agen pemberat dan pelincir

– memudahkan pergerakan berlaku.

avi3 **Kecerunan** - semakin curam sesuatu cerun semakin giat proses pergerakan jisim.

avi4 **Jenis batuan/bahan** - batuan yang lembut daripada kumpulan batuan enapan mudah

terluluhawa
- memudahkan pergerakan jisim berbanding batuan daripada

kumpulan igneus yang lebih keras.
avi5 **Faktor aktiviti manusia** – penebangan tumbuhan, pembinaan dan kegiatan pertanian
di cerun- tanah menjadi longgar dan tidak mempunyai pegangan
akar tumbuhan – mudah untuk jatuh akibat tarikan graviti. (mana-mana 4 isi X 2m = 8m)

(v) Jelaskan kaedah mengawal proses pergerakan jisim tersebut. [8]

av1 Kaedah perundangan – menguatkuasakan akta dan peraturan – cth. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 – mengenakan hukuman dan denda kepada individu yang terlibat dalam aktiviti pembalakan di kawasan cerun, pembinaan dan pertanian.

av2 Menanam tumbuhan tutup bumi – tumbuhan kekacang dan rumput- akar memegang dan mencengkam tanah daripada runtuh.

av3 Pembinaan teres - khusus kepada cerun-cerun yang digunakan untuk penanaman tanaman dan pembinaan petempatan. Teres dapat mengawal pergerakan air permukaan terutama ketika hujan lebat. Teres dapat memperlambatkan pergerakan air dan keadaan ini dapat mengurangkan tenaga kinetik pergerakan air tersebut sekaligus mengurangkan hakisan.

av4 Pembinaan parit / longkang- air larian permukaan di cerun dapat dikawal melalui kaedah ini. Air tidak mengalir dalam bentuk pelbagai hala yang boleh menyebabkan berlakunya hakisan kepingan. Longkang-longkang dibina menggunakan bahan konkrit dan secara bertangga bagi menjamin ketahanannya terhadap hakisan dan mengurangkan kelajuan pergerakan air.

av5 Penyimenan permukaan cerun - permukaan cerun secara keseluruhannya disimen. Pada permukaan simen dibuat lubang-lubang bagi mengawal aliran air bawah tanah. Sesuai bagi mengurangkan hakisan percikan air hujan dan hakisan kepingan.

av6 Pendidikan- melalui pendidikan formal di sekolah seperti pendidikan geografi, alam sekitar, pendidikan moral dan sebagainya. Pelajar-pelajar didedahkan kepentingan kawasan tanah tinggi dan impaknya kepada alam sekitar fizikal dan manusia sekiranya kawasan tanah tinggi diterokai.

av7 Kempen- melalui risalah-risalah dan lain-lain kempen yang dijalankan oleh agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Sahabat Alam Malaysia (SAM), Jabatan Perhutanan dan lain-lain.

(mana-mana 4 isi x 2m = 8m)

- 3 (b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan pinggir pantai? [4]
(ii) Jelaskan proses pembentukan tiga bentuk muka bumi pemendapan [9]

pinggir pantai.

(iii) Jelaskan kepentingan bentuk muka bumi pemendapan pinggir pantai [12] terhadap aktiviti manusia.

3 (b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan pinggir pantai ?

[4]

Pinggir pantai merujuk kepada jaluran pertemuan antara daratan dengan lautan yang merangkumi kawasan yang saling mempengaruhi (daratan dan lautan) antara satu sama lain.

(ii) Jelaskan proses pembentukan tiga bentuk muka bumi pemendapan pinggir pantai.

[9]

bii1 Pantai

Pantai merujuk kepada timbunan bahan mendap peroi seperti pasir, kelodak, tanah liat dan fosil kerangan yang terletak antara tikas air pasang dengan tikas air surut termasuk pantai hadapan dan pantai belakang (kawasan yang masih menerima pengaruh). Pantai terbentuk apabila bahan-bahan yang dibawa oleh agen-agen pemendapan pinggir pantai dimendapkan secara berperingkat di kawasan pinggir pantai. Bahan-bahan yang membentuk pantai boleh berasal dari laut atau daratan.

bii2 Tetanjung / anak tanjung

Tetanjung atau anak tanjung merujuk kepada permatang yang rendah dan sempit hasil pemendapan bahan-bahan seperti pasir, kelikir dan lumpur di kawasan pinggir pantai terutamanya di muara teluk atau muara sungai. Satu hujungnya bercantum dengan daratan dan satu hujung lagi menganjur ke laut. Tetanjung dibentuk oleh hanyutan pesisir pantai. Proses pembentukannya bermula dengan adanya tempat-tempat yang sesuai bagi membolehkan pasir, kelikir dan lumpur tersebut dilonggokkan. Pembentukannya secara berperingkat-peringkat dan mengambil masa yang lama.

bii3 Beting pasir

Beting pasir merujuk kepada timbunan pasir, kelikir, dan batu lada di kawasan pinggir pantai akibat tindakan ombak dan arus. Bahan-bahan yang diangkut oleh agen-agen pengangkutan pinggir pantai akan ditimbunkan di kawasan cetek berhampiran pantai. Beting pasir terdiri daripada beberapa jenis seperti beting luar persisir, beting muara dan tombolo. Beting pasir dibentuk oleh tindakan ombak yang menggali pasir dan kemudiannya memendapkan semula pasir tersebut di sebelah belakangnya. Sifat beting pasir biasanya tidak kekal lama dan hilang apabila ditimpa oleh ombak ribut.

bii4 Tombolo

Merupakan sejenis beting pasir yang menghubungkan daratan dengan pulau yang berdekatan. Tombolo dibentuk oleh tindakan arus pesisir pantai yang mengangkut dan menyebarkan bahan lalu membentuk beting yang memanjang dari daratan ke pulau.

(mana-mana 3 bentuk x

3m = 9m)

(iii) **Jelaskan kepentingan bentuk muka bumi pemendapan pinggir pantai terhadap aktiviti manusia.**

[12]

biii1 Pantai. Pantai boleh dijalankan aktiviti pelancongan.

biii2 Pantai. Pantai boleh dijalankan aktiviti industri/IKS. Contoh kawasan menjemur ikan/batik .

biii3 Pantai. Pantai boleh dijalankan aktiviti perlombongan pasir.

biii4 Beting pasir. Beting pasir boleh dijalankan aktiviti rekreasi.

biii5 Beting pasir. Beting pasir boleh dijalankan aktiviti perlombongan pasir.

biii6 Beting pasir. Beting pasir boleh dijalankan aktiviti perikanan.

biii7 Tombolo. Tombolo boleh dijalankan aktiviti rekreasi.

biii8 Tombolo. Tombolo boleh dijalankan aktiviti perlombongan pasir

biii9 Anak tanjung. Anak tanjung boleh dijalankan aktiviti perlombongan pasir.

biii10 Anak tanjung. Anak tanjung boleh dijalankan aktiviti perikanan

(mana-mana 6 isi X 2m = 12 m)

Catatan : 1 bentuk muka bumi hanya boleh disebut 2 kepentingan sahaja.

4 (a) **Apakah yang dimaksudkan dengan perubahan suhu?** [2]

Jadual 1: Min suhu maksimum dan minimum di Stesen Meteorologi A pada tahun 2010

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Suhu maksimum (° c)	30.6	31.0	31.9	32.4	31.6	31.5	31.4	31.3	31.9	32.4	31.8	30.7
Suhu minimum (° c)	23.7	23.0	23.9	24.7	23.3	23.4	23.2	23.2	23.8	24.6	23.7	23.3

(b) (i)Nyatakan formula mengira julat suhu. [1]

(ii) Lukiskan sebuah graf yang sesuai untuk menunjukkan julat suhu bulanan di Stesen Meteorologi A pada tahun 2010. [12]

(c) Huraikan kesan peningkatan suhu terhadap alam sekitar fizikal [10]

(a) **Apakah yang dimaksudkan dengan perubahan suhu?** [2]

Perubahan suhu bermaksud suhu meningkat atau menurun dari aras normal.

(b) i) **Formula :** [1]

Suhu Maksimum – suhu minimum

[12]


(ii) Berdasarkan jadual 1, lukiskan sebuah graf yang sesuai untuk menunjukkan perubahan julat suhu bulanan di Stesen kaji cuaca A pada tahun 2010.

Jadual 1: Julat suhu di Stesen Meteorologi A pada tahun 2010

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Dkt	Nov	Dis
Julat suhu (°C)	3.9	3.0	3.0	7.7	3.3	3.1	3.2	3.1	3.1	7.8	3.1	7.4

Graf menunjukkan julat suhu di stesen meteorologi A bagi tahun 2010

Suhu (°C)



Bulan

Skala 1 cm = 1 °C

Skema pemarkahan :

Pengiraan nilai tepat (Suhu maksimum – suhu minimum) = 2m

Tajuk = 1m

Skala = 1m

Paksi (paksi suhu /paksi bulan) = 2m

Plotan = 6m

(12-11 betul =6m,10-9 betul = 5m, 8-7 betul = 4m,
6-5 betul = 3m, 4-3 betul = 2m, 2-1 betul = 1m)

[12m]

(sila rujuk rajah contoh. Pemeriksaan bergantung kepada skala yang dipilih oleh calon. Contoh jawapan hanya untuk rujukan, kerana ukuran mungkin tidak tepat.)

(c) Huraikan kesan peningkatan suhu terhadap alam sekitar fizikal. [10 m]

- c1 Pencairan glasier dan ais- Berlakunya pencairan ais kutub dan pencairan glasier di kawasan pergunungan.
- c2 Peningkatan aras laut- Pencairan ais kekal dan pencairan glasier di kawasan pergunungan menyebabkan kuantiti air laut bertambah dan menyebabkan aras laut meningkat.
- c3 Kawasan daratan berkurangan manakala kawasan lautan bertambah - Pencairan ais dan glasier menyebabkan peningkatan aras laut. Peningkatan ini menyebabkan kawasan-kawasan rendah seperti kawasan pinggir pantai, muara sungai dan dataran akan tenggelam dan menyebabkan kawasan laut bertambah manakala kawasan daratan berkurangan.
- c4 Kemusnahan ekosistem- Penenggelaman kawasan pinggir pantai dan daratan menyebabkan kawasan ekosistem tenggelam dan musnah
- c5 Peningkatan luhawa fizikal kawasan pinggir laut – peningkatan suhu

<http://edu.joshuatly.com/>

<http://fb.me/edu.joshuatly>

menyebabkan kadar luluhawa fizikal seperti pengembangan dan pengecutan di kawasan gurun panas menjadi lebih aktif.

- c6 Peningkatan kejadian ribut – Peningkatan suhu akan menyebabkan wujudnya sel-sel tekanan udara rendah yang melampau di sesetengah kawasan.
- c7 Peningkatan pencemaran udara
- c8 Peningkatan kejadian kemarau Mana- mana 5 isi (5 isi X 2m = 10m)

- 5 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan *hujan*? [3]
- (b) Dengan bantuan gambar rajah, huraikan proses pembentukan dua jenis hujan. [10]
- (c) Jelaskan kesan kekurangan air terhadap alam sekitar fizikal dan manusia. [12]

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan *hujan*? [3]

Hujan ialah titisan air hasil proses pemeluwapan atau ais hasil proses pemejalwapan yang turun dari atmosfera ke bumi.

(b) Dengan bantuan gambar rajah, huraikan proses pembentukan dua jenis hujan. [10]

Bx1 rajah hujan bukit (1)

B1 - hujan bukit

Kawasan kaki bukit yang selari dengan kawasan pantai.

Angin lembap, banyak wap air dari arah laut dipaksa naik ke kawasan

bukit.

Mengalami proses penyejukan adiabatik kering

Mencapai titik pemeluwapan, menjadi bintik-bintik air membentuk awan.

Awan semakin berat , turunkan hujan di kawasan cerun bukit menghadap

angin. (4m)

Bx2 –rajah hujan perolakan (1)

Terjadi pada hari/ udara panas

Proses sejatan membawa wap air naik ke atmosfera

Mengalami proses penyejukan mengikut kadar adiabatik kering.

Menjadi bintik-bintik air membentuk awan

Hujan turun pada lewat petang disertai ribut petir.

(4)

(c) Jelaskan kesan kekurangan air terhadap alam sekitar fizikal dan manusia. [12]

Fizikal	Menjejaskan / kesan terhadap	Huraian dan contoh	Markah
Cf1	Sistem ekologi akuatik	<ul style="list-style-type: none"> • ekosistem tasik , kolam , paya dan sungai akan terjejas • hidupan akuatik akan mati/ pupus • rantaian dan siratan 	2m

Cf2	Ekosistem hutan	<ul style="list-style-type: none"> ▸ layu dan mati- memusnahkan ekosistem hutan ▸ hutan mudah terbakar secara semulajadi akibat kemarau yang berpanjangan ▸ habitat dan rantai makanan musnah. ▸ kepupusan kepelbagaian spesies fauna dan flora. 	2m
Cf3	Proses geomorfologi	<ul style="list-style-type: none"> ▸ proses luluhawa fizikal dan hakisan layangan angin lebih cepat berlaku. ▸ persekitaran kering kontang , tandus-gersang – mempercepat proses penggurunan (desertication) 	2m
Cf4	Keadaan cuaca setempat	<ul style="list-style-type: none"> ▸ kekurangan hujan – cuaca menjadi panas ▸ penurunan kelembapan udara – udara kering ▸ memudahkan terbentuknya jerebu. 	2m
Manusia	Menjejaskan / kesan terhadap	Huraian dan contoh	Markah
Cm1	Aktiviti pertanian dan penternakan	<ul style="list-style-type: none"> ▸ Tanaman layu dan mati- khususnya padi sawah. ▸ aktiviti akuakultur terjejas – kolam kekeringan air. ▸ ternakan juga terjejas ▸ impak kekurangan bekalan makanan kepada penduduk- apabila berlaku kemarau yang berpanjangan. 	2m
Cm2	Aktiviti domestik	<ul style="list-style-type: none"> ▸ bekalan air untuk kegunaan harian- memasak , minuman , membasuh dan mencuci akan terjejas. ▸ krisis bekalan air jika kemarau berpanjangan 	2m
Cm3	Kesihatan penduduk	<ul style="list-style-type: none"> ▸ kekurangan bekalan air membataskan air minuman dan manusia boleh mengalami dehidrasi. ▸ keadaan kebersihan (sanitasi) tidak teratur yang mempercepat perebakan penyakit – demam panas, sakit kerongkong dan lain-lain 	2m
Cm4	Aktiviti perindustrian	<ul style="list-style-type: none"> ▸ industri memproses terjejas kerana kekurangan air untuk mencuci/ membersihkan bahan mentah seperti industri memproses makanan ▸ industri berasaskan air minuman seperti air mineral terjejas kerana kekurangan bekalan air bersih. ▸ operasi menyejukkan enjin / generator 	2m

		kilang terganggu.	
--	--	-------------------	--

Catatan : 3 kesan fizikal + 3 kesan manusia (6 isi X 2m = 12m)

- 6 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan *resapan*? [3]
 (b) Jelaskan faktor yang mempengaruhi proses resapan. [10]
 (c) Jelaskan kepentingan air bawah tanah kepada alam sekitar fizikal dan manusia. [12]

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan *resapan*? [3]

Proses penyusupan atau penyerapan air secara menegak ke lapisan dalam tanah melalui liang-liang tanah hingga ke aras mata air/akuifer.

(b) [10]

Jelaskan faktor yang mempengaruhi proses resapan.

b1 Intensiti / kekerapan hujan – hujan kerap proses resapan banyak.

b2 Jenis batuan – batuan telap air (batu enapan) – kadar resapan tinggi dan sebaliknya.

b3 Litupan tumbuhan – kawasan hutan/ berpokok – kadar resapan tinggi. Kawasan lapang – kadar resapan rendah.

b4 Litupan tumbuhan – tanah berturap (tar/simen) kadar resapan terhad / rendah.

b5 Kecerunan – cerun curam ,aliran air laju, kadar resapan rendah. Cerun landai aliran air perlahan , kadar resapan tinggi.

(5 isi x 2m = 10 m)

Jelaskan kepentingan air bawah tanah kepada alam sekitar fizikal dan manusia. [12]

Fizikal:

cf1 Terdapat simpanan air bawah tanah – punca mata air

cf2 Kelembapan tanah meningkat

cf3 Kesuburan tanah (nutrien)

cf4 Luluhawa dalaman –pembentukan tanah laterit (tanaman getah, kelapa sawit)

Manusia:

cm1 Simpanan air bawah tanah sebagai sumber kegunaan domestik atau

kegunaan harian penduduk.

cm2 Stok air bersih untuk kegunaan manusia pada masa hadapan

cm3 Kelembapan tanah boleh membantu kesuburan tanah dan hasil tanaman meningkat

cm4 Aktiviti akuakultur – pembinaan kolam di daratan memerlukan sumber air bawah tanah.

(mana-mana 3 isi fizikal dan 3 isi manusia , 6 isi x 2m = 12 m)

- 7 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan *aras trofik*? [4]
(b) (i) Lukis rajah aras trofik dalam ekosistem akuatik. [3]
(ii) Jelaskan faktor kehilangan tenaga pada setiap aras trofik di atas. [6]
(c) Jelaskan bagaimana ekosistem akuatik boleh diganggu oleh aktiviti manusia. [12]


(a) Apakah yang dimaksudkan dengan aras trofik?

[4]

Aras trofik merujuk kepada organisma dalam sesuatu kelompok ekologi dalam sesebuah rantaian makanan yang disusun secara bertingkat (trofik).

(b) (i) Lukis rajah aras trofik dalam ekosistem akuatik.

[3]



(ii) Jelaskan faktor kehilangan tenaga pada setiap aras trofik di atas.

[6]

- bii1 Hanya sejumlah makanan tertentu sahaja yang dimakan di setiap aras trofik manakala sebahagian lagi tidak dimakan.
bii2 Tidak semua makanan yang dimakan dicernakan
bii3 Makanan yang dicernakan digunakan untuk tumbesaran organisma dalam sesebuah ekosistem
bii4 Lebihan makanan yang dicernakan digunakan sebagai tenaga
(Mana-mana 3 isi x 2m = 6m)

(c) Jelaskan bagaimana ekosistem akuatik boleh diganggu oleh aktiviti manusia. [12]

- c1 Pertanian – penyaluran bahan kimia ke dalam sungai menyebabkan air tercemar
- c2 Perindustrian – pembuangan sisa asid ke sungai dan laut
- c3 Pembalakan – hakisan tanah di cerun menyebabkan air sungai tercemar
- c4 PKS - pembuangan sisa industri ke laut. Contoh pewarna kain dari kilang batik
- c5 Petempatan – pembuangan sisa domestik seperti sampah sarap ke sungai
- c6 Perlombongan pasir dan mineral – sumber air tercemar
- c7 Perikanan / akuakultur – menuba dan meracun ikan
- c8 Pelancongan / rekreasi – pembuangan sampah
- c9 Perniagaan di pinggir sungai dan laut – pembuangan sisa
- c10 Pembinaan – pembuangan sisa pembinaan ke sungai dan laut
- c11 Penternakan – Penyaluran sisa kumbahan /basuhan khinzir , ayam dan itik berhampiran sungai dan laut

(Mana-mana 6 isi x 2m = 12m)

8. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan kitar nutrien? [5]
(b) Jelaskan kitar nitrogen dalam satu ekosistem di kawasan pertanian. [10]
(c) Jelaskan bagaimana aktiviti pertanian boleh mengganggu proses kitar nitrogen. [10]

8 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan kitar nutrien? [5]

Kitar nutrien bermaksud satu proses kitaran unsur-unsur kimia (seperti karbon, nitrogen, kalsium dan sulfur) dalam sesebuah ekosistem yang berlaku secara berterusan dalam tiga fasa yang lengkap iaitu fasa atmosfera, biosfera, dan tanah.

(b) Jelaskan kitar nitrogen dalam satu ekosistem di kawasan pertanian. [10]

b1 Fasa dalam atmosfera

Nitrogen terhasil daripada pembakaran hutan. Pembakaran hutan membebaskan kimia nitrogen ke dalam bentuk gas nitrogen. Pancaran kilat yang terkena gas nitrogen akan menghasilkan nitrogen oksida yang boleh bercantum dengan air membentuk nitrat.

b2 Fasa dalam biosfera

Nitrogen masuk ke dalam tumbuhan melalui tindakan akar pokok. Akar pokok akan menyerap nitrat dan ammonia. Bahan kimia tersebut akan ditukarkan menjadi amino, protein dan vitamin yang boleh bercantum dengan air membentuk nitrat. Dalam jasad manusia dan haiwan , nitrogen dihasilkan melalui perkumuhan – nitrogen membentuk ammonia, urea, asid urik dan sebatian nitrogen.

b3 Fasa dalam tanah

Nitrogen terhasil melalui proses pereputan bahan organik. Sel-sel organisma yang mati akan membentuk ammonia dan nitrat. Penggunaan baja nitrogen dalam

pertanian pula akan diserap oleh akar tumbuhan. Hidupan bakteria dan alga di dalam tanah juga akan mengeluarkan nitrogen.

(3m x 3 fasa + 1m = 10m)

Catatan : Tambah 1 m jika semua fasa dapat 3m.

(c) Jelaskan bagaimana aktiviti pertanian boleh mengganggu proses kitar nitrogen. [10]

- c1 Tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran jangka pendek memerlukan pengairan yang banyak – berlaku air larian permukaan – unsur nitrogen dipindahkan ke kawasan lain.
- c2 Pengkhususan tanaman seperti kacang tanah, kacang soya dan kacang kuda – mengambil nitrogen yang banyak dari dalam tanah – menyebabkan kehilangan nitrat dengan banyak dan cepat.
- c3 Penggunaan baja kimia menyebabkan pertambahan nitrat dan ammonia dalam tanah. Ini menjejaskan keseimbangan nitrogen semula jadi dalam tanah.
- c4 Pembakaran sisa pertanian / pembakaran hutan untuk pertanian menyebabkan nitrogen dibebaskan ke udara – berlaku penambahan nitrogen di udara.
- c5 Pereputan sisa tanaman seperti jerami dan batang jagung selepas dituai akan menggalakkan pembentukan nitrat melalui penghumusan – mengganggu kitar nitrogen yang normal.
(5 isi x 2m = 10m)

SKEMA PERCUBAAN STPM KEDAH-GEOGRAFI 942/2

SOALAN 1

(a) Hitung perubahan jumlah penduduk di negeri-negeri Semenanjung Malaysia antara tahun 2004 dan 2007. [6]

Contoh Pengiraan : Johor ; Jumlah 2007 - 2004 =

$$3240.9 - 2954.4 = 286.5$$

Negeri	Jumlah penduduk (000')		Perubahan Jumlah Penduduk (000)
	2004	2007	
Johor	2,954.4	3,240.9	286.5
Kedah	1,778.2	1,918.7	140.5
Kelantan	1,453.0	1,560.5	107.5
Melaka	687.1	738.8	51.7
Negeri Sembilan	913.3	978.2	64.9
Pahang	1,372.5	1,483.6	111.1
Perak	2,194.0	2,314.6	120.6
Perlis	217.9	231.9	14.0
Pulau Pinang	1,416.9	1,518.5	101.6
Selangor	4,498.1	4,961.6	463.5
W.P. Kuala Lumpur	1,501.8	1,604.4	102.6
Terengganu	966.1	1,067.9	101.8

Sumber: Year Book Malaysia,

2007

Pemarkahan : 2 negeri = 1 markah

Formula pengiraan tidak perlu ditulis

(b) Berdasarkan pengiraan dalam (a) di atas lukis graf bar yang sesuai bagi menggambarkan perubahan jumlah penduduk di negeri-negeri Semenanjung

Malaysia antara tahun 2004 dan 2007.

[9]

Tajuk - 1m


Skala - 1m

Plotan - 6m (2 negeri = 1m)

KK - 1m

Jumlah - 9m

Graf bar menunjukkan perubahan jumlah penduduk di negeri-negeri Semenanjung Malaysia antara tahun 2004 dan 2007.



Skala : 1cm = 50ribu orang

(c) Jelaskan mengapa pertumbuhan penduduk Malaysia terus positif. [10]

Isi Utama	Huraian	Markah
C1.Pertambahan jumlah kelahiran dan jumlah kematian berkurangan	-pertambahan kadar kelahiran kurang diamalkan disebabkan perancangan keluarga tidak sepenuhnya, pertambahan dalam taraf kesihatan. -kadar kematian menurun disebabkan oleh kemajuan dalam bidang kesihatan <i>(Terima faktor yang mempengaruhi kadar kelahiran dan kematian di Malaysia)</i>	4 Max
C2.Taraf kesihatan tinggi	-peruntukan kerajaan untuk membangunkan kesihatan negara. -Banyak kemudahan kesihatan disediakan, taraf kesihatan menjadi semakin meningkat -Pertumbuhan penduduk ke arah positif	2
C3.Tahap pendidikan/literasi semakin tinggi	-Pembangunan pendidikan dapat dilakukan secara menyeluruh -kepelbagaian kemudahan pendidikan untuk penduduk Malaysia -Menyebabkan penduduk Malaysia ke arah pertumbuhan yang lebih positif	2
C4.Perkembangan dalam kegiatan ekonomi	-Kepelbagaian kegiatan ekonomi – mewujudkan peluang pekerjaan, pendapatan tetap dan meningkatkan taraf hidup	2
C5. Migrasi masuk	-Kemasukan warga asing menambahkan jumlah penduduk Malaysia dan meningkatkan kadar pertumbuhan penduduk semula jadi.	2
C6. Dasar kerajaan	-Dasar kerajaan menggalakkan pertumbuhan penduduk selaras dengan Dasar 70 juta menjelang 2100 -Insentif kepada wanita berkerjaya yang melahirkan anak	2
C7. Ketenteraman dan kestabilan politik	-Negara aman, tenteram dan politik yang stabil – mewujudkan kesejahteraan sosial	2
C8. Ketiadaan	- ketiadaan bencana alam yang besar spt. banjir	

bencana alam yang besar	besar, letusan gunung berapi yang menjejaskan pertumbuhan penduduk.	
-------------------------	---	--

Pemarkahan: 5 x 2 = 10 markah

SOALAN 2

2. a) Apakah yang dimaksudkan dengan peralihan demografi? [3]

(1m)

Peralihan demografi adalah **transisi atau perubahan kependudukan** yang dialami oleh

sesebuah negara dari dahulu hingga kini dan mungkin boleh diramalkan pada masa akan

(1m)

datang.. Peralihan demografi boleh menggambarkan **sejarah kependudukan** yang telah

sedang dan akan dialami oleh sesebuah negara itu. Ada tiga komponen penting yang

(1m)

terkandung dalam model peralihan demografi iaitu **komponen kadar kelahiran, komponen**

(1m)

(1m)

kadar kematian dan juga komponen kadar pertumbuhan penduduk semula jadi.

b) Nyatakan ciri-ciri bagi setiap peringkat peralihan demografi. [12]

Calon hanya perlu membuat pernyataan ringkas tentang perkara berikut :

Isi Utama	Huraian	Markah
B1 Peringkat 1/tahap awal/masyarakat pertanian		4 markah
i) Kadar kelahiran tinggi.	Kadar kelahiran tinggi disebabkan oleh ketiadaan perancangan keluarga, keperluan kepada buruh manusia untuk sektor pertanian.	1
ii)Kadar kematian tinggi	Manakala kadar kematian tinggi disebabkan oleh taraf kesihatan yang rendah, ancaman wabak penyakit, kebuluran serta masalah peperangan	1
iii)Pertumbuhan semulajadi penduduk rendah	Berlaku naik-turun dalam pertumbuhan semulajadi penduduk sejajar dengan kenaikan dan penurunan dalam kadar kelahiran serta kadar kematian.	1
iv)negara berada di tahap yang mundur	Masyarakat pertanian dan ketiadaan teknologi moden	1
B2 Peringkat 2/tahap pertengahan/masyarakat industri		4 markah
i) Kadar kelahiran masih lagi tinggi tetapi semakin menurun.	kegagalan perancangan keluarga dan keperluan kepada tenaga buruh manusia masih lagi tinggi penurunan dalam kadar kematian pula berpunca daripada taraf kesihatan dan perubatan yang semakin baik, bekalan makanan yang mencukupi,	1
ii) kadar kematian		1

semakin menurun iii)Pertumbuhan semulajadi menurun. iv)negara membangun/pembangunan pesat.	keadaan politik yang stabil daripada peperangan pertumbuhan semulajadi mulai menurun ekoran daripada penurunan dalam kadar kelahiran perkembangan industri dan teknologi yang pesat maka kebergantungan kepada buruh manusia semakin berkurangan, masyarakat lebih moden dan berpendidikan lebih tinggi , mula mementingkan kerjaya, kos hidup meningkat, amalan perancangan keluarga mulai berkesan, perkahwinan lewat dan lain-lain.	1 1
B3 Peringkat akhir/tahap 3/masyarakat perindustrian penuh. i) kadar kelahiran rendah ii)kadar kematian rendah iii) pertumbuhan semulajadi penduduk menurun /sifar / stabil / mantap. iv)Negara maju	Kejayaan sepenuhnya program kawalan penduduk atau perancangan keluarga yang dilaksanakan berikutan daripada masyarakatnya yang berpendidikan tinggi, berkerjaya, mementingkan status Quo, peningkatan taraf dan kesejahteraan hidup dan lain-lain. Taraf kesihatan dan perubahan moden bertambah maju serta berupaya meningkatkan jangka hayat penduduk. Pelbagai penyakit merbahaya berjaya dikawal dengan penemuan ubat dan vaksin baru. Kadar kematian bayi di peringkat awal juga di kawal kelahiran dan kadar kematian terus menurun hingga ke paras yang rendah Pembangunan ekonomi yang mantap dan berkembang maju. Sektor industri dan perkhidmatan mendominasi sepenuhnya pembangunan ekonomi negara. Pendapatan perkapita dan taraf hidup penduduk yang tinggi, kadar pengangguran rendah. Pembangunan sumber alam secara optimum atau dijana sepenuhnya dengan adanya tahap teknologi yang tinggi	4 markah 1 1 1

Pemarkahan : 4 m maksimum bagi setiap peringkat . 4m x 3 peringkat = 12 markah

(c) Huraikan faktor yang mempengaruhi peralihan demografi sesebuah negara.[10]

Isi Utama	Huraian	Markah
C1 Kadar kelahiran sesebuah negara	Jika kadar kelahiran tinggi dan kadar kematian rendah maka pertumbuhan penduduk tinggi, Jika kadar kelahiran rendah dan kematian tinggi maka pertumbuhan adalah rendah. Ditentukan oleh perancangan keluarga dan taraf kesihatan penduduk.	2
C2. Tahap	Bidang perubahan akan mempengaruhi kadar	2

kesihatan dan kemajuan perubahan	kelahiran,kematian dan perancangan keluarga.Taraf kesihatan akan mempengaruhi jangka hayat,kelahiran,kematian dan pertumbuhan penduduk.	
C3.Tingkat teknologi	Teknologi moden akan mempengaruhi tingkat kemajuan ekonomi negara.Teknlgi tinggi akan mempercepatkan perubahan kegiatan ekonomi dan sosial penduduk.Masyarakat cepat maju.	2
C4.Tahap pendidikan	Pendidikan tinggi akan mempengaruhi corak demografi sesebuah negara.Pendidikan akan mempengaruhi corak kelahiran,jangkahayat,pertumbuhan penduduk sesebuah negara.	2
C5.Dasar kependudukan kerajaan	Dasar kerajaan sama ada mengawal dan menambah bilangan penduduk akan mempengaruhi corak demografi. Sebagai contoh ,dasar saiz kerluarga kecil akan memperlahankan kelahiran.	2
C6.Dasar pembangunan kerajaan	Dasar ekonomi sesebuah negara akan meningkatkan pendapatan perkapita,mengurangkan kemiskinan dan berupaya meningkatkan status hidup masyarakat.Masyarakat maju mengalami pemodenan yang cepat dalam bidang ssial.	2

Pemarkahan :5 isi x 2 m = 10 markah

SOALAN 3a)

3 a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan *penyahutan*? [5]

Isi Utama	Markah
Konsep : Penghapusan/ pemusnahan/ penyingkiran / penerokaan hutan secara besar- besaran	1
Konsep : Pelbagai tujuan aktiviti manusia seperti pembalakan, pembukaan kawasan ladang, pembinaan petempatan, perindustrian, pembinaan empangan elektrik hidro dan lain-lain.	2
Konsep : Berlaku secara semulajadi seperti fenomena El- Nino, letusan gunung berapi, gempa bumi dan lain-lain.	2
JUMLAH MAKSIMUM	5m

(ii) Jelaskan bagaimana penyahhutan berlaku di Malaysia. [10]

Isi Utama	Huraian	Markah
a(ii) 1 Aktiviti Pembalakan	Pembalakan haram dan pembalakan tidak terkawal. Kaedah tebang bersih	

<http://edu.joshuatly.com/>
<http://fb.me/edu.joshuatly>

	<p>Kerja-kerja pembinaan jalan pengangkutan kayu balak juga memusnahkan hutan.</p> <p>Pencerobohan hutan simpan secara berleluasa.</p> <p>Contohnya di Banjaran Titiwangsa dan Banjaran Tahan</p>	2
a (ii) 2 Aktiviti Pembangunan tanah baru untuk pertanian.	<p>Penerokaan hutan untuk pertanian ladang melibatkan kerja-kerja penebangan, pembakaran dan pembersihan hutan secara besar-besaran.</p> <p>Menyebabkan kemerosotan dan kepupusan hutan dengan ketara.</p> <p>Contohnya Rancangan Pembangunan Wilayah di JENGKA, DARA, KETENGAH dan KESEDAR.</p>	2
a(ii)3 Pembinaan empangan elektrik hidro	<p>Aktiviti ini memusnahkan hutan melalui penebangan dan pembersihan hutan untuk pembinaan jalan dan tapak stesen janakuasa . Contohnya Empangan Bakun dan Empangan Pergau.</p> <p>Penenggelaman hutan untuk menakung air. Ekosistem hutan akan musnah dengan cepat apabila kawasan hutan yang luas ditenggelami air. Contohnya pembinaan Empangan Kenyir dan Empangan Chenderoh.</p>	2
a(ii)4 Aktiviti pertanian pindah	<p>Aktiviti pertanian pindah yang dijalankan oleh orang asli memusnahkan hutan melalui kaedah tebang-bakar.</p> <p>Kaedah tebang-bakar dan pemindahan tapak tani akan memusnahkan ekosistem hutan dalam jangka masa panjang.</p> <p>Apabila tapak tani sudah tidak subur lagi petani pindah ini akan akan meneroka kawasan baru.</p>	2
a(ii)5 Pembinaan infrastruktur	<p>Pembinaan infrastruktur seperti jalan raya, lebuhraya, kabel elektrik dan saluran paip juga memusnahkan hutan.</p> <p>Projek mega seperti pembinaan dan naik taraf lapangan terbang contohnya KLIA, Lapangan terbang Langkawi dan lain-lain.</p>	2
a(ii) 6 Pembinaan petempatan /perumahan , tapak bina bandar dan industri	<p>Hutan dimusnahkan untuk pembinaan kawasan petempatan/perumahan.</p> <p>Hutan juga dimusnah untuk dijadikan tapak bina bandar dan industri seperti pembinaan bandar-bandar baru dan estet perindustrian. Contohnya Bandar Baru Muazam Shah dan Bandar Baru Jengka.</p>	2
a(ii)7 Pembangunan sosioekonomi setempat	<p>Pembinaan institusi-institusi pendidikan tinggi – Contohnya UUM Sintok, Kedah</p> <p>Pembinaan hotel, chalet di kawasan tanah tinggi, hutan lipur, hutan pantai dan lain-lain. Contohnya di Genting Highlands dan Port Dickson.</p> <p>Pembinaan padang golf, taman tema, medan selera, restoran, ruang niaga, medan letak kereta dan sebagainya juga telah menukarkan hutan semulajadi kepada hutan konkrit.</p>	2
a(ii)8 Faktor fizikal	<p>Fenomena kebakaran hutan akibat cuaca panas El-Nino menyebabkan kemusnahan habitat dan ekosistem hutan.</p> <p>Tsunami – memusnahkan hutan pinggir pantai.</p>	2

Pemarkahan : 5 x 2 = 10 markah

(iii) Huraikan langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan hutan yang boleh diambil untuk mengurangkan masalah akibat penyahhutanan tersebut. [10]

Isi Utama	Huraian	Markah
a(iii) 1 Langkah Perundangan (Pemeliharaan)	<p>Pematuhan kepada Dasar Perhutanan Negara 1978, Akta Perhutanan Negara 1984 untuk menjaga penceroohan hutan, mewartakan hutan rezab/ hutan simpan kekal. Contoh Taman Negara Pahang, Hutan Simpan Belum, Perak dan Taman Negara Bako ,Sarawak.</p> <p>Pemantauan dan rondaan yang kerap oleh agensi pelaksana iaitu Jabatan Hutan dan Jabatan Alam Sekitar.</p> <p>Penguatkuasaan undang-undang dan hukuman oleh pihak berkuasa: mengenakan tindakan tegas ke atas pembalok haram seperti denda/ kompaun, penjara, membatalkan konsesi pembalakan dan lain-lain.</p> <p>Mengharamkan eksport kayu balok terutamanya dari jenis yang hampir pupus seperti kayu ramin dan cengal.</p> <p>Melaksanakan peraturan EIA sebelum, semasa dan selepas sesuatu projek pembangunan dijalankan yang melibatkan kawasan hutan.</p>	<p>2</p> <p>2</p> <p>2</p> <p>2</p> <p>2</p> <p>MAX 4</p>
a(iii) 2 Langkah Pengurusan (Pemuliharaan)	<p>Melaksanakan sistem penebangan hutan terpilih. Pokok yang cukup matang dan cukup ukur lilitnya sahaja yang ditebang. Pokok yang muda dibiarkan terus membesar dan matang. Contoh Sistem Sebaya Malaya (MUS) dan Sistem Pengurusan Tebangan Memilih (SMS).</p> <p>Melaksanakan program Penghutanan semula/ penanaman semula hutan yang diuruskan secara sistematik, saintifik dan terkawal. : -Projek Ladang Hutan Kompensatori. Menanam pokok kayu balok yang cepat matang dan boleh ditebang antara 7-15 tahun seperti Acacia mangium, Batai, Yamane, Sentang dan lain-lain.</p> <p>Menggalakkan penggunaan sumber gantian agar tidak terlalu bergantung kepada sumber hutan khususnya kayu balok seperti penggunaan simen, batu-bata dalam industri pembinaan, Penggunaan kayu getah untuk industri perabot dan mengitar semula bahan terbuang.</p> <p>Melaksanakan R&D dan rawatan sivilkultur.Menjalankan pembangunan dan penyelidikan. –Pemulihan dan rawatan hutan. Agensi yang terlibat seperti FRIM dan UPM.</p>	<p>2</p> <p>2</p> <p>2</p> <p>2</p> <p>MAX 4</p>

a(iii)3 Langkah Kempen kesedaran dan Pendidikan Alam Sekitar	Kempen menyedarkan masyarakat tentang kepentingan hutan sebagai warisan kita menerusi kempen “ Cintailah hutan kita”,perayaan”Hari Hutan Sedunia” dan sebagainya. Kempen melalui media elektronik dan media cetak termasuk kerjasama dengan NGO seperti Persatuan Pencinta Alam Sekitar Malaysia (SAM). Pendidikan alam sekitar menerusi mata pelajaran Geografi, Kajian Tempatan di sekolah dapat menanam kesedaran dan kecintaan terhadap sumber hutan dalam kalangan generasi muda.	2 2 2 MAX 2
---	--	-------------------------------------

Pemarkahan: Langkah Perundangan : 4 m
Langkah Bukan Perundangan : 6 m

SOALAN 3b)

**3 b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan *sumber tenaga alternatif*?
[5]**

(1m)

Sumber tenaga alternatif merujuk semua sumber tenaga **gantian selain sumber tenaga**

(1m)

konvensional yang berasal daripada bahan api fosil Sumber tenaga alternatif adalah

(1m)

(1m)

(1m)

sumber tenaga berterusan dan dapat diperbaharui Contohnya tenaga hidro, suria, ombak, angin dan biojisim.

Pemarkahan : 5 X 1 = 5 markah

(ii) Jelaskan mengapa sumber tenaga alternatif perlu dibangunkan.[10]

Isi utama	Huraian	Markah
b(ii)1 Mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga konvensional	Pembangunan dalam sumber tenaga alternatif perlu dilakukan bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber konvensional yang semakin pupus seperti petroleum, gas dan arang batu.	2
b(ii)2 Penyusutan bekalan tenaga konvensional (petroleum, gas dan arang batu)	Kadar eksploitasi yang berlebihan menyebabkan sumber akan habis. Stok sumber tenaga yang semakin berkurangan menyebabkan sumber tenaga alternatif perlu dibangunkan.	2
b(ii)3 Mengurangkan kesan pencemaran alam sekitar.	Penggunaan sumber alternatif tidak ada bahan pencemar udara seperti tenaga suria dan hidroelektrik. Penggunaan bahan yang berbahaya seperti tenaga petroleum dan gas asli (asap dan gas	2

<http://edu.joshuatly.com/>

<http://fb.me/edu.joshuatly>

		karbon monoksida) akan menyumbang pencemaran alam seperti pencemaran udara, pemanasan global, hujan asid.	
b(ii)4	Sumber yang bersih dan bekalan berterusan.	Sumber tenaga alternatif bersifat mesra alam dan bersih. Ia tidak mencemarkan alam sekitar. Aliran air sungai untuk tenaga hidroelektrik, damparan dan lurutan ombak untuk tenaga ombak, kekuatan tiupan angin untuk tenaga angin dan pancaran bahangan matahari untuk tenaga suria semuanya bersifat berterusan dan boleh diperbaharui dan tidak pupus.	2
b(ii)5	Mudah diperolehi	Sumber tenaga alternatif seperti tenaga hidro, suria, ombak, angin dan biojisim mudah diperolehi. Terdapat sumber yang banyak seperti tenaga suria diperolehi daripada cahaya matahari yang memancar sepanjang tahun.	2
b(ii)6	Kos penyelenggaraan yang rendah	Kos penyelenggaraan yang rendah dan murah menjadikan sumber alternatif menjadi semakin penting. Tidak seperti tenaga petroleum yang memerlukan janakuasa/generator bekalan tenaga diselenggara dari semasa ke semasa yang menelan belanja yang tinggi. Penjanaan tenaga alternatif banyak menggunakan teknologi hibrid.	2
b(ii)7	Sumber yang banyak	Sumber tenaga alternatif masih banyak dan masih belum dimajukan sepenuhnya. Ini menyebabkan sumber ini perlu dibangunkan bagi menggantikan sumber konvensional yang semakin pupus.	2

Pemarkahan : 5 X 2 = 10 markah

(iii) Huraikan kesan kegiatan perlombongan terhadap alam sekitar fizikal. [10]

Isi utama	Huraian	Markah
b(iii)1 Perubahan pandang darat fizikal	Akibat daripada kerja-kerja melombong menggunakan kaedah kapal korek menyebabkan lekukan terbentuk seperti kolam atau tasik (tasik lombong). Contonya di Taiping dan Ipoh Kesan daripada aktiviti pematangan, penarahan dan peletupan batu mengakibatkan kawasan bukit menjadi bercerun.	2
b(iii)2 Gangguan	Kemusnahan hutan akibat daripada carigali	

ekosistem	sumber mineral mengakibatkan habitat flora dan fauna terjejas. Gangguan terhadap rantai makanan. Gangguan hidupan akuatik di laut akibat carigali mineral.	2
b(iii)3 Pencemaran udara	Aktiviti perlombongan banyak menghasilkan habuk, debu asap oleh pemprosesan hasil galian. Contohnya perlombongan kuari dan memecahan batuan. Banyak partikel-partikel terampai (PM10) berada di dalam udara yang akan menyebabkan terjadinya jerebu.	2
b(iii)4 Pencemaran air	Larian air permukaan yang membawa lumpur dan bahan enapan ke sungai dari cerun-cerun bukit akan mengakibatkan sungai tercemar oleh kegiatan perlombongan. Kerja-kerja menggunakan kapal korek akan membuang sisa perlombongan ke sungai yang berdekatan menyebabkan air sungai tersebut menjadi keruh dan berkeladak. Kerja-kerja melibatkan sumber mineral di laut akan mengakibatkan air laut tercemar akibat daripada tumpahan minyak semasa proses carigali berlaku.	2
b(iii)5 Pencemaran bunyi	Kerja-kerja letupan di lombong kuari dan pemecahan batuan akan memberi kesan terhadap pencemaran bunyi.	2
b(iii)6 Pemanasan setempat	Pembersihan hutan akan mendedahkan permukaan bumi kepada sinaran matahari. Ini akan menyebabkan pemanasan setempat kerana tidak ada tumbuhan hijau yang akan membalikkan bahangan ke atmosfera. Perlombongan mineral di kawasan laut terbuka contohnya pelantar minyak.	2
b(iii)7 Gangguan geomorfologi (hakisan dan tanah runtuh)	Akibat daripada perlombongan yang berterusan, cerun-cerun bukit akan mengalami hakisan dan lama kelamaan tanah runtuh akan berlaku kerana tiada litupan tumbuh-tumbuhan yang akhirnya berperanan mencengkam tanah.	2
b(iii)8 Kawasan tandus dan gersang	Aktiviti perlombongan yang telah selesai dijalankan akan meninggalkan kawasan tanah yang tandus, gersang dan tidak subur untuk menjalankan aktiviti pertanian. Pemarkahan : 5 X 2 = 10 markah	2

SOALAN 4

4 Dengan merujuk kepada negara Malaysia,

(a) Nyatakan ciri-ciri perikanan pinggir pantai?

[5]

Isi utama	Huraian	Markah
A1 Lokasi	Tidak melebihi 32km dari pinggir pantai dengan kedalaman air tidak kurang 180m.	1
A2 Teknologi	Alatan tradisional seperti pukot tangkul, kelong, pompang dan kail oleh nelayan tradisional.	1
A3 Skala	Kecil - Untuk keperluan keluarga	1
A4 Orientasi pengeluaran	Pasaran tempatan. Untuk dijual secara harian. Hasil yang lebih akan digunakan untuk keperluan keluarga.	1
A5 Modal	Kecil dan milik persendirian	1
A6 Jangkamasa operasi	Harian (satu hari) ke laut pada waktu pagi dan pulang pada waktu petang.	1
A7 Jenis tangkapan	Ikan kecil seperti selar, gelama, parang, kembung, ketam	1
A8 Penggunaan buruh	Tenaga buruh sedikit. Kalangan ahli keluarga sahaja.	1

Pemarkahan : 5 X 1 = 5 markah

(b) Jelaskan mengapa sumber perikanan pinggir pantai semakin merosot.
[10]

Isi utama	Huraian	Markah
B1 Kekurangan modal	Kebanyakan nelayan miskin tidak ada modal memiliki sampan. Sukar memperolehi pinjaman dan kurang berpengetahuan	2
B2 Kekurangan teknologi dan kepakaran	Teknologi tradisional menyebabkan tangkapan sedikit. Tahap pendidikan dan kemahiran yang rendah menyebabkan nelayan tidak mampu mengendalikan alat berteknologi tinggi.	2
B3 Tenaga buruh	Ramai anak-anak muda berhijrah ke bandar dan tertarik kepada peluang ekonomi sektor sekunder dan tertier. Generasi muda tidak berminat.	2
B4 Masalah cuaca	Musim tengkujuh menyebabkan nelayan tidak dapat turun ke laut. Banjir yang berlaku menyebabkan muara sungai menjadi cetek menyukarkan nelayan untuk menangkap ikan.	2
B5 Kepupusan sumber perikanan	Penangkapan ikan berlebihan akan menjejaskan hasil tangkapan nelayan. Penggunaan pukot harimau / pukot jerut akan mengakibatkan kepupusan sumber kerana semua ikan tidak kira saiz kecil atau besar akan ditangkap bersama-sama.	2
B6 Kerosakan	Aktiviti pembangunan pinggir pantai akan memberi kesan	

habitat ikan	terhadap habitat pinggir pantai. Pembinaan kawasan perlancongan serta pmlombongan akan memberi impak terhadap habitat di pinggir pantai.	2
B7 Ancaman lanun	Berlaku pencerobohan kawasan di sempadan perairan. Ancaman keselamatan oleh lanun-lanun.	2
B8 Masalah orang tengah	Hasil tangkapan oleh nelayan akan dijual terus kepada pelanggan tetapi dengan adanya orang tengah mereka akan menawarkan harga yang lebih murah. Ini akan menjejaskan mata pencarian nelayan tradisional.	2

Pemarkahan : 5 X 2 = 10 markah

- (c) **Huraikan langkah untuk memajukan sektor perikanan pinggir pantai.**
[10]

Isi utama	Huraian	Marka h
C1 Memodenkan infrastruktur	Infrastruktur perikanan perlu dimodenkan seperti kemudahan penyimpanan sampan-sampan atau bot-bot kecil. Jeti-jeti kecil perlu disediakan bagi memudahkan pendaratan bot-bot kecil.	2
C2 Bantuan modal /subsidi /pinjaman	Kerajaan perlu memberi bantuan modal, subsidi dan merendahkan syarat untuk pinjaman kepada nelayan. Nelayan kebanyakannya hanya mampu memiliki sampan yang uzur. Sampan perlu diganti dengan bot.	2
C3 Memberi latihan	Latihan perlu diberikan kepada nelayan termasuk kemahiran untuk kendalian bot dan peralatan moden.	2
C4. Kukuhkan rangkaian pasaran.	Tidak ada lagi orang tengah yang menjual dengan harga yang murah. Kawalan harga penting.	2
C5 Menubuhkan agensi penyelarasa	LKIM dan MAJUIKAN perlu ditubuhkan bagi menyelarasa semua aktiviti perikanan. Seperti penyelarasan bantuan dan subsidi harga diesel.	2
C6 Meningkatkan kawalan	Meningkatkan kawalan keselamatan nelayan. Rondaan perairan oleh polis marin, tentera laut dan jabatan laut.	2
C7 Kerjasama serantau	Kerjasama antara negara jiran perlu dikukuhkan bagi menjamin kemakmuran negara.	2

Pemarkahan : 5 X 2 = 10 markah

SOALAN 5

5. Berdasarkan kajian luar yang telah anda lakukan di sebuah kawasan ekopelancongan,

- a) i) **Namakan kawasan pelancongan yang dikaji.** [1]

Menamakan kawasan pelancongan 1

- ii) **Huraikan kaedah pemerhatian dan soal selidik yang dijalankan.** [4]

<http://edu.joshuatly.com/>
<http://fb.me/edu.joshuatly>

Isi Utama	Huraian	Markah
Pemerhatian	Digunakan untuk meninjau lokasi kawasan pelancongan di kawasan kajian. Pemerhatian dibuat ialah terhadap kepentingan, bagaimana pelancongan membangun ekonomi & sosial setempat. Aktiviti merakam dan merekod	2
Soal selidik	Digunakan untuk memperoleh data dan maklumat dari pekerja kedai dan pekerja kilang. Seramai 20 responden telah dipilih secara rawak dan setiap responden telah diberikan borang soal-selidik masing-masing. Dapatan dari soal selidik telah dikumpul dan dianalisis.	2

b) Jelaskan kelebihan-kelebihan fizikal dan manusia setempat yang mempengaruhi kegiatan pelancongan di kawasan tersebut.

[6]

Isi Utama	Tarikan-tarikan kawasan pelancongan	Markah
B1. Tarikan Fizikal	1. Pantai bersih, berair jernih, kewujudan batu karang, taman laut / maritim.	2
	2. Tanah tinggi, pemandangan cantik, suhu sejuk.	2
	3. Hutan lipur, hutan bakau., kepelbagaian flora dan fauna, udara nyaman.	2
	4. Gua batu kapur	2
	5. Jeram, air terjun, sungai, tasik semulajadi	2
B2. Tarikan manusia	1. kemudahan pengangkutan & perhubungan	2
	2. kemudahan penginapan, hotel & resort	2
	3. kemudahan rekreasi	2
	4. kemudahan pusat membeli-belah	2
	5. kemudahan pusat teknologi & telekomunikasi	2

Pemarkahan : Menjelaskan 2 (fizikal) + 1 (manusia) @ 1+2 = 6 markah

c) Jelaskan bagaimanakah kegiatan pelancongan membantu pembangunan ekonomi dan sosial penduduk setempat.

[8]

]

Isi Utama	Huraian	Markah
C1. Peluang pekerjaan	-peluang pekerjaan sebagai pengusaha gerai, chalet, resort, pengangkutan dan perkhidmatan di kawasan pelancongan. -Membantu meningkatkan pendapatan penduduk setempat.	2
C2. Wujudkan rantaian ekonomi berkaitan	-Perkembangan pelancongan telah membantu mewujudkan aktiviti ekonomi berkaitan seperti penyediaan aktiviti rekreasi, pengangkutan, hotel, chalet, perhubungan. -Mempelbagaikan kegiatan ekonomi kawasan sekitar. -Pemasaran hasil pertanian dan kraftangan setempat.	2
C3.	-Pembinaan jalan raya, perhubungan, kemudahan asas,	2

Pembangunan kawasan	bekalan air, elektrik, pusat perniagaan dll telah membangunkan kawasan sekitar. -Penduduk sekitar menikmati kemudahan yang disediakan.	
C4. Persekitaran yang selesa / kondusif	-Kawasan pelancongan dijaga dan dipelihara kebersihan/keindahan. Kawasan tidak tercemar. -Penduduk sekitar dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa.	2
C5. Tingkatkan taraf hidup	-Pelbagai peluang pekerjaan yang wujud telah meningkatkan taraf hidup penduduk setempat. -Mendapat pendapatan yang baik. -Tidak terlalu bergantung kepada sektor tradisional/pertanian semata-mata.	2

Pemarkahan : Mana-mana 4 isi x 2 markah. Maksimum 8 markah.

Nota : Calon perlu menjelaskan 'bagaimana' / proses untuk dapat 2m - jika tiada 1m.

d) Cadangkan langkah yang boleh dilakukan untuk memajukan lagi kawasan pelancongan tersebut. [6]

Isi Utama	Huraian	Markah
D1. Promosi	-Mempromosikan kawasan dan produk pelancongan kawasan melalui media massa dengan lebih meluas.	2
D2. Menaiktarafkan kemudahan.	Menambah dan memperbaiki mutu perkhidmatan yang disediakan seperti chalet, resort, restoran, jalan perhubungan, telekomunikasi dan sebagainya agar memenuhi kehendak pelancong.	2
D3. Mewujudkan aktiviti rekreasi yang menarik.	Menambah dan mewujudkan aktiviti rekreasi laut, pantai, taman tema, pameran dan sebagainya mengikut keadaan semasa.	2
D4. Mewujudkan landskap fizikal yang menarik./bersih.	-Mewujudkan taman, landskap flora yang menarik bagi memikat pelancong. -Memberikan tumpuan aspek meningkatkan kebersihan kawasan.	2
D5. Pakej pelancongan yang menarik	-Mewujudkan pakej pelancongan yang menarik/murah bagi memikat pelancong.	2

Pemarkahan : Mana-mana 3 isi x 2 markah = maksimum 6 markah.

Skema Jawapan

Soalan ini adalah soalan kajian lapangan / luar, oleh itu jawapan calon mestilah memenuhi syarat-syarat berikut.

1. Skala jawapan mestilah kecil dan khusus sifatnya. Merujuk kepada satu kawasan pelancongan yang kecil sahaja. Jawapan tidak boleh merujuk kepada banyak kawasan pelancongan.
2. Jawapan tidak boleh merujuk kepada kawasan pelancongan yang terlalu luas/besar seperti daerah yang besar atau sebuah negeri.
3. Jawapan tidak boleh bersifat umum tanpa merujuk mana-mana kawasan pelancongan.

4. Setiap jawapan calon hendaklah merujuk kepada lokaliti secara tepat

(Jika jawapan calon tidak memenuhi syarat 1, 2 dan 3 di atas,markah maksimum adalah 8/25 sahaja.)

SOALAN 6

6. a) Namakan lima contoh landskap budaya yang wujud akibat proses transformasi desa. [5]

- i. Pembinaan perumahan-taman perumahan
 - ii. Pembinaan sekolah, klinik, hospital, bangunan kedai, bangunan pentadbiran, dewan orang ramai
 - iii. Pasaraya, market mini, pasar
 - iv. Infrastruktur telekomunikasi, bekalan elektrik, bekalan air, jalan berturap
 - v. Ladang, pertanian berkelompok
 - vi. Pusat pengumpulan hasil, pusat khidmat masyarakat
- [Terima mana-mana contoh 5 x1 =5 m]

(b) Mengapa kadar transformasi sesebuah petempatan desa di Malaysia tidak seimbang?

[10]

Isi utama	huraian	contoh
B1 Kedudukan dan keadaan tapak petempatan yang tidak sama.	Tapak yang strategik dan tidak strategik. Kawasan tanah pamah dan tanah tinggi. Contoh kawasan luar bandar pantai barat semenanjung mempunyai banyak kelebihan tapak berbanding pantai timur dan Malaysia timur	2
B2 Ketersampaian	Kawasan yang mudah dihubungi dan banyak mod pengangkutan akan lebih cepat mengalami transformasi berbanding kawasan yang sukar dihubungi	2
B3 Potensi sumber alam	Kawasan yang banyak sumber alam seperti minyak, mineral dan pertanian akan lebih cepat membangun berbanding kawasan yang kurang sumber alam	2
B4 Fizikal yang menarik	Kawasan yang mempunyai tarikan fizikal seperti tanah tinggi, pantai yang cantik akan menjadi tumpuan pembangunan.	2
B5 Polisi kerajaan	Polisi kerajaan yang menumpukan pembangunan di kawasan tertentu seperti pembangunan koridor perindustrian, pertanian, pelancongan dan pendidikan.	2
B6 Perluasan bandar yang tidak sama	Bandar besar dan bandar utama akan mengalami rebakan yang besar ke kawasan sekitarnya. Lingkungan bandar yang besar akan mempercepatkan pembangunan kawasan sekitar.	2
B7 Perkembangan kegiatan ekonomi moden yang tidak seimbang	Kawasan luar bandar yang berdekatan kawasan yang pesat mengalami pertumbuhan ekonomi sekunder dan tertier akan lebih cepat mengalami transformasi berbanding kawasan yang masih giat dalam kegiatan pertanian.	2

Pemarkahan : mana-mana 5 isi x 2 markah =10 m

(c) Huraikan kesan positif transformasi desa terhadap pembangunan sosioekonomi penduduk di sesebuah kawasan. [10]

Isi utama	Huraian	Markah
C1 Taraf hidup meningkat	Banyak peluang kerja baru dan pendapatan tetap	2
C2 Peluang pekerjaan	Mengatasi masalah pengangguran di luar bandar	2
C3 Mudah milik rumah	Kawasan perumahan moden yang lebih selesa	2
C4 kemudahan pendidikan	Sekolah, IPT, kolej	2
C5 Kemudahan perubatan	Hospital, klinik, pusat rawatan swasta	2
C6 Ketersampaian tinggi	Kemudahan perhubungan dan pengangkutan memudahkan maklumat sampai dan mobiliti tinggi	2
C7 Sekat migrasi keluar	Peluang pekerjaan baru dapat kurangkan emigrasi	2
C8 Kemasukan inovasi	Maklumat dan teknologi baru masuk dari bandar dan memajukan kawasan luar bandar	2

Pemarkahan : mana-mana 5 isi x 2 markah = 10 m

SOALAN 7

a) Apakah yang dimaksudkan dengan ASEAN? [5]

Isi Utama	Markah
Konsep : Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations) yang ditubuhkan melalui Deklarasi Bangkok 1967	1
Anggota ASEAN : 10 buah negara iaitu Thailand, Indonesia, Singapura, Filipina, Malaysia, Brunei, Myanmar, Kemboja, Laos dan Vietnam.	2
Tujuan penubuhan : Menjayakan kerjasama serantau dalam pelbagai bidang seperti kemajuan sosioekonomi, keamanan dan kestabilan serantau, dan kerjasama dengan negara dan pertubuhan antarabangsa yang lain. Mengamalkan konsep ZOPFAN	2

(b) Huraikan kepentingan kerjasama ASEAN kepada pembangunan ekonomi

Malaysia.

[10]

Isi Utama	Huraian	Markah
-----------	---------	--------

B1 Meluaskan pasaran	Peluasan pasaran dan perdagangan yang dicapai menerusi Perjanjian Keutamaan Perdagangan (PTA) menyebabkan barangan Malaysia boleh menembusi pasaran ASEAN dengan lebih mudah tanpa sekat atau dasar perlindungan yang ketat.	2
B2 Perkongsian tenaga buruh	Masalah kekurangan buruh dan kepakaran dapat diatasi dengan kemasukan tenaga buruh dari Negara jiran. Contohnya tenaga buruh dari selatan Thailand telah menampung kekurangan buruh dalam sektor pertanian di negeri Kedah dan Perlis. Kekurangan buruh dalam sektor pembinaan, perladangan dan pembantu rumah ditampung oleh tenaga buruh dari Indonesia.	2
B3 Pemindahan Teknologi,R&D dan inovasi	Berlaku perkongsian dalam semua bidang iaitu perindustrian, tenaga, pertanian, perikanan, perhutanan, telekomunikasi, pengangkutan dan kewangan melalui lima jawatankuasa ekonomi yang dibentuk dalam Kerjasama Ekonomi ASEAN. Contohnya Malaysia berkongsi kemahiran teknologi automatik dan telekomunikasi manakala Thailand menawarkan kemahiran dalam teknologi pertanian dan perlombongan.	2
B4 Meningkatkan pendapatan negara	Melalui pelaburan di negara anggota Asean yang lain. Contohnya Malaysia banyak melabur di Indonesia khususnya dalam sektor penanaman kelapa sawit. Di bawah IMT-GT kawasan seperti Pulau Langkawi, Utara Kedah- Perlis seperti Bukit Kayu Hitam mengalami pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.	2
B5 Bekalan bahan mentah	Sumber alam seperti sumber hutan, sumber pelancongan , sumber air, sumber tenaga dan sumber manusia dapat dibangunkan tanpa pembaziran. Wujud keadaan saling melengkapi antara negara anggota ASEAN. Malaysia bergantung kepada Thailand untuk bekalan beras, sumber perikanan, sayur-sayuran dan lain-lain bagi menampung kekurangan sumber makanan dalam negara.	2
B6 Perkongsian modal	Konsep pelaburan bersama , pelaburan silang, Koperasi kewangan ASEAN dan lain-lain. Negara yang teguh keadaan ekonomi akan melabur di negara-negara yang agak mundur. Contohnya yang dilaksanakan antara Malaysia dan Singapura di bawah projek IMT-GT bagi menyiapkan Projek Link Kedua yang menghubungkan Malaysia – Singapura. Kejayaan projek ini memberi keuntungan kepada kedua-dua negara melalui kutipan tol, pertambahan aliran barangan dan perkhidmatan dan mempercepatkan pergerakan penduduk.	2
B7 Kerjasama menjaga	Negara anggota ASEAN iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura bersetuju secara bersama menjaga perairan	

alam sekitar	Selat Melaka dengan membuat pengesanan, rondaan, kawal selia, pengawasan dan pemuliharaan jika berlaku kes pembuangan enap cemar oleh kapal-kapal dagang yang melalui Selat Melaka.	2
--------------	---	---

Pemarkahan : mana-mana 5 isi x 2 markah = 10 m

**(c) Jelaskan masalah yang dihadapi dalam kerjasama ekonomi ASEAN.
[10]**

Isi Utama	Huraian	Markah
C1 Kegawatan ekonomi serantau	Kejatuhan nilai matawang telah menjejaskan banyak projek pembangunan Kos operasi projek telah meningkat. Projek terhenti kerana pelabur tempatan kekurangan modal. Contohnya Indonesia yang masih berhadapan dengan kegawatan ekonomi hingga ke hari ini.	2
C2 Masalah fizikal	Bentuk muka bumi yang bergunung-ganang dan berpulau, cuaca dan bencana alam menyukarkan pembangunan ekonomi serantau. Sukar untuk dihubungi (Darjah Ketersampaian rendah) Contohnya bentuk muka bumi yang bergunung-ganang telah menghalang pembinaan Lebuhraya Trans Borneo dalam kawasan BIMP-EAGA	2
C3 Masalah teknologi dan kepakaran yang rendah.	Sukar untuk menjalankan projek secara besar-besaran. Tahap kemajuan teknologi dan kepakaran yang berbeza antara negara Asean. Terpaksa mengimport teknologi dari Negara maju. Kemudahan infrastruktur yang tidak cukup menyukarkan pemindahan teknologi moden dan teknologi maklumat (IT). Sukar menghasilkan produk yang berkualiti & berdaya saing.	2
C4 Konflik politik dan keselamatan.	Ancaman lanun dan keselamatan di sempadan. Pergolakan politik wilayah dalam Negara anggota ASEAN. Contohnya masalah ancaman lanun di Filipina dan konflik politik di Selatan Thai. Konflik pertindihan tuntutan wilayah atau kawasan sempadan bersama. Contohnya Kepulauan Spratly yang menjadi tuntutan antara anggota ASEAN iaitu Vietnam, Filipina, Brunei dan Malaysia serta Negara bukan ASEAN iaitu China dan Taiwan.	2
C5 Masalah kuasa beli dan pasaran.	Kuasa beli yang rendah dalam kalangan penduduk ASEAN jika dibandingkan dengan Negara maju. Contohnya Indonesia dan Filipina walaupun mempunyai penduduk yang ramai tetapi kuasa beli penduduknya rendah kerana rakyat miskin. Manakala Singapura mempunyai kuasa beli yang tinggi tetapi penduduknya kurang. Keadaan ini menyukarkan peluasan perdagangan antara Negara ASEAN.	2

<http://edu.joshuatly.com/>

<http://fb.me/edu.joshuatly>

C6 Keluaran barangan yang homogeneus	<p>Persaingan antara kepentingan negara dan kepentingan serantau.</p> <p>Berlaku persaingan sesama negara pengeluar kerana mempunyai sumber yang sama.</p> <p>Kesannya berlaku lambakan di pasaran dan kejatuhan harga komoditi.</p> <p>Contohnya :komoditi getah, kelapa sawit dan bijih timah antara Malaysia, Indonesia dan Thailand.</p>	2
C7 Perbezaan ekonomi antara negara anggota	<p>Tahap kemajuan dan pembangunan ekonomi yang tidak sama antara negara ASEAN.</p> <p>Pembangunan ekonomi di Malaysia dan Singapura lebih pesat dibandingkan dengan Negara Laos dan Myanmar.</p> <p>Contohnya dalam kerjasama AFTA, penghapusan tarif tidak dapat dilaksanakan serentak di semua negara anggota ASEAN.</p> <p>Syarikat tempatan yang tidak cekap dan bergantung kepada perlindungan kerajaan akan mufli jika wujudnya pasaran bebas melalui kerjasama AFTA.</p>	2

Pemarkahan : mana-mana 5 isi x 2 markah = 10 m

SOALAN 8

8 a) Senaraikan lima aktiviti ekonomi yang menjejaskan kualiti sumber tanah di sesebuah kawasan. [5]

- Pertanian – penggunaan racun 1
- Pembalakan – penebangan hutan 1
- Pembinaan – petempatan/kondominium/hotel di cerun bukit 1
- Pembangunan tanah untuk pertanian secara besar-besaran 1
- Perlombongan – ku ari, bijih timah, emas dll. 1
- Perikanan – akuakultur 1

b) Jelaskan bagaimana aktiviti manusia mempengaruhi kemerosotan sumber tanah. [10]

Isi Utama	Huraian	Markah
B1 Pertanian	-di kawasan cerun curam tanpa teres/kontor, tanpa tanaman tutup bumi, tanaman sejenis – menyebabkan gangguan kepada sumber tanah	2
B2 Pembalakan	- kegiatan penebangan hutan/pembalakan tanpa kawalan / pembalakan haram – tiada usaha tanam semula hutan – berlaku kemerosotan sumber tanah	2
B3 Pembinaan	-pembinaan petempatan/resort/hotel dll. Yang melibatkan kerja memotong dan meneres cerun bukit tanpa spesifikasi. -pembinaan infrastruktur – lebuh raya, L. terbang, empangan dll. melibatkan kerja tanah – memotong dan merata cerun bukit	2 2
B4	-pembangunan tanah secara besar-besaran dalam bidang	2

Pembangunan Tanah	pertanian – penerokaan hutan secara besar-esaran menjejaskan kualiti sumber tanah – rancangan pembangunan tanah (FELDA)	
B5 Perlombongan	-pelombongan kuari, emas, bijih besi, dan bijih timah yang melibatkan kerja-kerja mengorek tanah dan meletup bukit – kualiti sumber tanah merosot.	2

Pemarkahan : 5 x 2 = 10 markah

(c) Huraikan langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan kesan kemerosotan kualiti sumber tanah di sesebuah kawasan.

[10]

Isi Utama	Huraian	Markah
1. Langkah perundangan	Menguatkuasa Akta Pemuliharaan Tanah 1960. Garis Panduan Pembangunan di kawasan Tanah Tinggi 2005. Garis Panduan Penyelenggaraan Cerun 2006 oleh Jabatan Kerja Raya	2
	Mengharamkan penggunaan jentera berat di kawasan tanah tinggi dan cerun curam berkontor melebihi 300 meter dari aras laut dan kecerunannya melebihi 15°	2
	Mengharamkan pembangunan di kawasan cerun berkelas IV pada ketinggian melebihi 1000 meter dari aras laut	2
	Pemantauan dan kawal selia aktiviti pembangunan di kawasan cerun	2
	Hukuman dan denda oleh PBT terhadap aktiviti yang merosakkan cerun bukit atau yang melanggar Laporan EIA	2
	2. Langkah pengurusan strategik	Pembinaan sungkup plastik/daun sebagai langkah jangka pendek di kawasan berisiko tinggi untuk runtuh
Membina benteng dan tembok penahan		2
Membina gabion (sangkar dawai yang diisi batu) dan groin di kaki cerun		2
Membina longkang/parit dipermukaan cerun bagi mengurangkan limpahan air hujan/ larian		2
Konkrit cerun / simen cerun		2
Jaringan besi/dawai menyaluti cerun		2
Tanaman tutup bumi – rumput/buluh		2
Amalan pertanian berkontor		2
3. Kempen kesedaran dan Pendidikan Alam Sekitar	Kempen pemuliharaan cerun – menanam pokok peneduh di kawasan cerun	2
	Pendidikan alam sekitar melalui mata pelajaran Geografi tentang pelestarian kawasan cerun	2